

Kajian geokimia batuan igneus di sepanjang Jalan Kulai-Simpang Layang-Layang, Kulai, Johor Darul Takzim

ARSHNAH DURRAH BT. HAJI ARSHAD & MOHD ROZI BIN UMR

Program Geologi, Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam
Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor

Kajian geokimia telah dijalankan ke atas batuan igneus yang terdapat di sepanjang Jalan Kulai hingga ke Simpang Layang-Layang, Johor. Ia meliputi kawasan seluas 76.38 km² yang merangkumi kawasan Ayer Bemban, Ayer Manis dan Bukit Batu. Kajian ini bertujuan untuk menentukan proses pembentukan dan asalan magma sama ada berasal daripada granit mandala timur atau granit mandala barat. Batuan igneus yang terdapat di kawasan kajian boleh dibahagikan kepada lima jenis iaitu granit merah jambu, granit kelabu cerah dan granit berfenokris feldspar alkali serta dua korok berkomposisi dasit dan basalt. Hasil analisis geokimia menunjukkan bahawa batuan yang terdapat di kawasan kajian adalah batuan jenis siri kalk-alkali. Secara keseluruhannya, batuan di kawasan kajian merupakan granit jenis I, kecuali batuan granit merah jambu yang menunjukkan cirian granit jenis S disebabkan berlaku pencemaran oleh batuan keliling semasa pembentukannya. Batuan granit kelabu cerah dan granit merah jambu merupakan batuan peralumina manakala granit berfenokris feldspar alkali, korok dasit dan basalt adalah batuan metalumina. Kesimpulan yang diperolehi menunjukkan batuan igneus di sepanjang jalan Kulai ke simpang Layang-Layang merupakan granit jenis I dan berada di dalam mandala tengah Semenanjung Malaysia.